



21 April 2017  
21 April 2017  
P.U. (B) 206

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

NOTIS MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN YANG  
DIPILIH DALAM MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

*NOTICE OF VACANCY OF ELECTED OFFICE IN THE  
MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN 1974

NOTIS MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN YANG DIPILIH DALAM MAJLIS  
PERUBATAN MALAYSIA

MENURUT perenggan 4(1)(b) Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 [*P.U. (A) 68/1974*], notis diberi mengenai kekosongan jawatan yang dipilih dalam Majlis Perubatan Malaysia seperti yang berikut:

**Kekosongan jawatan**

1. Jawatan yang akan kosong pada 24 Ogos 2017 adalah untuk seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah yang hendaklah dipilih oleh pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah.

**Penamaan calon**

2. (1) Penamaan calon adalah diminta bagi jawatan yang akan kosong itu.

(2) Borang penamaan (Borang 1) boleh didapati di pejabat Pengarah Kesihatan Negeri Sabah atau daripada Setiausaha, Majlis Perubatan Malaysia, Aras Bawah, Blok B, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur atau boleh dimuat turun daripada laman web Majlis di [www.mmc.gov.my](http://www.mmc.gov.my).

(3) Penamaan calon hendaklah dikemukakan kepada Yang Dipertua, Majlis Perubatan Malaysia, Aras Bawah, Blok B, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur.

(4) Penamaan calon yang diterima selepas pukul 4.00 petang pada 10 Mei 2017 tidak akan diterima.